

Perilaku Buli Dalam Kalangan Pelajar Universiti "Satu Tindakan, Satu Perbezaan"

Nursyafikah Binti Ag Mohd Kadir¹, Norsilah Binti Abdul Jalil², Thong Kheng Bee³, Laila Wati binti Madlan@Endalan⁴
Universiti Malaysia Sabah

Koresponden emel: laila@ums.edu.my

Dihantar: xxx / Diterima: 30.08.2025
Received date: yyy / Accepted date: 30
dec.2025

Abstrak Kajian ini adalah berkaitan tentang perilaku buli dalam kalangan pelajar universiti. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti tingkahlaku buli yang paling lazim dalam kalangan pelajar universiti dan juga meneroka maklumbalas pelajar terhadap pengalaman buli. Responden kajian terdiri daripada pelajar universiti seramai 30 orang dan soal selidik di edar melalui *Google Form*. Alat kajian yang digunakan adalah *victimization, perpetration, bystander behaviour, perceived norms, social support & coping* dan *wellbeing & safety*. Hasil kajian mendapati tingkahlaku buli yang sering dialami oleh responden adalah buli verbal, fizikal, pamerasan, buli sosial, buli ditempat kerja dan juga sindiran. Manakala maklumbalas daripada pelajar yang dibuli adalah seperti berdiam atau menahan diri, melawan atau memberi tindak balas, mengelak dan mencari sokongan sosial.

Kata kunci: tingkahlaku buli, pelajar universiti, pengalaman buli.

Abstract *This study focuses on bullying behavior among university students. The objectives of the study are to identify the most common types of bullying behavior among university students and to explore students' responses to their experiences of bullying. The study respondents consisted of 30 university students, and the questionnaire was distributed via Google Forms. The research instruments used included measures of victimization, perpetration, bystander behavior, perceived norms, social support and coping, as well as well-being and safety. The findings revealed that the types of bullying most frequently experienced by respondents were verbal bullying, physical bullying, extortion, social bullying, workplace bullying, and teasing. Meanwhile, the responses of students who were bullied included remaining silent or suppressing their feelings, fighting back or responding, avoiding the situation, and seeking social support.*

Keywords: *Bullying Behavior, University Students, Bullying experience.*

Isu buli dalam kalangan pelajar universiti merupakan fenomena yang semakin hangat dibincangkan dalam bidang psikologi pendidikan dan psikologi sosial. Menurut Olweus (2021), buli merujuk kepada tingkah laku agresif yang dilakukan secara berulang dan melibatkan ketidakseimbangan kuasa antara pelaku dan mangsa. Dalam konteks institusi pengajian tinggi, bentuk buli bukan sahaja melibatkan interaksi fizikal, tetapi turut merangkumi penghinaan verbal, pengasingan sosial dan buli siber, sebagaimana dijelaskan oleh Tokunaga (2020) bahawa platform digital telah memperluas ruang berlakunya intimidasi dalam kalangan pelajar. Bagi memahami faktor penyumbang kepada tingkah laku buli, Bandura (2020) melalui Teori Pembelajaran Sosial menjelaskan bahawa pelajar boleh meniru perlakuan agresif apabila ia diperhatikan mendapat ganjaran sosial atau diterima oleh kumpulan rakan sebaya. Walau bagaimanapun, tingkah laku ini juga dipengaruhi oleh persekitaran sosial yang lebih besar. Seperti yang diuraikan oleh Bronfenbrenner dan Morris (2020) dalam Model Bioekologi, tingkah laku individu dipengaruhi oleh interaksi antara konteks mikro seperti rakan sebaya dan konteks makro seperti norma sosial kampus.

Tingkah laku pemerhati pula dijelaskan oleh Latané dan Darley (2021) melalui Model Intervensi Pemerhati, yang menyatakan bahawa seseorang hanya akan membantu mangsa jika mereka menyedari situasi tersebut, mentafsirnya sebagai serius, merasa bertanggungjawab, dan yakin tindakan mereka berkesan. Kepercayaan dan sikap individu terhadap apa yang dianggap normal dalam kumpulan sosial turut mempengaruhi kecenderungan seseorang bertindak, seperti yang dinyatakan dalam *Theory of Planned Behavior* oleh Ajzen (2020). Selain itu, sokongan sosial memainkan peranan penting dalam meningkatkan daya tindak dan kesejahteraan pelajar. Fowler dan Perry (2023) mendapati bahawa sokongan daripada rakan, keluarga atau pihak universiti dapat mengurangkan kesan psikologi akibat pengalaman negatif seperti buli. Berdasarkan latar belakang teori dan keperluan kajian, pengkaji telah melaksanakan satu kajian tinjauan dengan meneliti hubungan antara pengalaman dibuli, perilaku buli, persepsi norma sosial, sokongan sosial, tingkah laku pemerhati serta kesejahteraan pelajar universiti melalui soal selidik yang dijalankan dalam kalangan pelajar.

Latar Belakang kajian

Fenomena buli di institusi pengajian tinggi (IPTA) semakin mendapat perhatian umum kerana implikasi terhadap kesejahteraan pelajar dan budaya kampus. Buli ditakrifkan sebagai tingkahlaku berulang dan melibatkan ketidakseimbangan kuasa, samada dalam bentuk fizikal, verbal, sosial atau digital. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa buli di peringkat universiti, merangkumi dimensi tradisional dan siber, dikaitkan secara konsisten dengan hasil akademik dan kesihatan mental yang merosot.

Di Malaysia, beberapa kajian tempatan telah mengesahkan kewujudan masalah ini secara meluas. Amran Abdul Halim dan rakan-rakan (2023) mendapati buli siber semakin meningkat seiring dengan penggunaan meluas media sosial dalam kalangan pelajar universiti. Data ini disokong oleh **Moo C. dan rakan-rakan (2023)** melalui kajian keratan rentas, yang mendapati prevalens pemangsaaan buli siber dalam kalangan pelajar universiti swasta adalah sekitar 29.0%. Kajian lain yang lebih luas mengenai dewasa muda di Malaysia melaporkan bahawa pengguna internet tegar lebih cenderung menjadi mangsa, dengan pelajar wanita melaporkan kadar pemangsaaan yang lebih tinggi secara signifikan berbanding lelaki (Balakrishnan, 2015). Data ini menguatkan keperluan untuk memahami dinamik khusus buli di IPT Malaysia dan Asia.

Bentuk buli diperingkat universiti cenderung bersifat sangat halus berbanding di peringkat sekolah. Nik Sarina Nik Md Salleh dan rakan-rakan (2024) menyatakan bahawa buli di peringkat universiti, lebih kerap melibatkan penghinaan akademik, pengasing sosial, serta buli siber melalui media sosial. Kajian antarabangsa dan tempatan menunjukkan bahawa buli di universiti bukan sahaja menjejaskan prestasi akademik tetapi juga kesejahteraan psikologi pelajar. Kesan buli terhadap kesihatan mental amat ketara. Kirin & Kurniawan (2023) menekankan kaitan antara pengalaman buli siber dengan masalah kesihatan seperti kemurungan dan pemikiran untuk bunuh diri. Penemuan daripada kajian di Selangor, Malaysia, menunjukkan hubungan jelas antara pengalaman buli siber dengan tahap tekanan psikologi yang lebih tinggi (Samsudin, Abdalqader, & Ghazi, 2023). Ini menjadikan individu yang mempunyai pengalaman *victimization* memberi kesan terhadap kemerosotan kesihatan mental.

Di peringkat global, insiden buli siber dalam kalangan belia dan pelajar universiti adalah membimbangkan. Dalam konteks Asia menunjukkan kadar yang signifikan, dimana kajian silang negara di Asia Tenggara mencadangkan bahawa pendedahan kepada pembuli siber berkait rapat dengan kemurungan dalam kalangan pelajar kolej (Ruangnapakul, Salam, & Shawkat, 2019). Mangsa sering mengalami tekanan, kebimbangan, dan kemurungan, malah ada yang menunjukkan tanda-tanda trauma jangka panjang. Kajian empirikal secara konsisten menyokong kerangka teori bahawa buli memberi kesan negatif kepada kesejahteraan psikologi mangsa. Dari perspektif ekologi sosial, fungsi keluarga dan persekitaran interpersonal memainkan peranan penting. Kajian oleh Samsudin, Abdalqader, & Ghazi (2023) juga menyiasat kaitan antara pemangsaaan buli siber dengan fungsi keluarga yang tidak berfungsi (*family dysfunction*). Penemuan ini membuka ruang untuk perbincangan bagaimana interaksi antara individu dan konteks terdekat seperti keluarga dan rakan sebaya mempengaruhi pengalaman buli, seperti yang dihipotesiskan oleh model ekologi sosial.

Dari perspektif teori, fenomena buli di universiti dapat dijelaskan melalui beberapa kerangka utama. Model ekologi Bronfenbrenner menekankan bahawa buli berlaku hasil interaksi antara faktor individu, rakan sebaya, fakulti, dan budaya institusi. Teori pembelajaran sosial Bandura pula menjelaskan bagaimana norma kumpulan dan peniruan tingkah laku menyumbang kepada kelangsungan budaya buli. Dalam konteks digital, kesan disinhibisi dalam talian menerangkan bagaimana anonimitas dan jarak sosial

mempertingkatkan keberanian pelaku untuk membuli. Selain itu, konsep "*institutional betrayal*" menyorot bagaimana kegagalan institusi menangani aduan buli boleh menambah trauma sekunder kepada mangsa (Amran Abdul Halim *et al.*, 2023). Fungsi keluarga dan sokongan interpersonal juga memainkan peranan penting dalam memoderasi kesan buli (Samsudin, Abdalqader, & Ghazi, 2023).

Walaupun terdapat kajian sedia ada, jurang penyelidikan yang dikenal pasti termasuk kekeurangan instrumen psikometrik yang sah dalam bahasa Melayu untuk mengukur buli di Universiti, kurangnya kajian sistemati tentang buli berkaitan hierarki seperti hubungan pensyarah dan pelajar, serta minoriti keterbatasan data tentang faktor pelaporan dan pengalaman kumpulan minoriti (Nik Sarina Nik Md Salleh *et al.*, 2024). Oleh itu, kajian soal selidik yang dirancang berpotensi menyumbang kepada literatur dengan menyediakan data empirikal tentang prevalens, bentuk buli, serta hubungan antara pengalaman buli dengan kesejahteraan psikososial pelajar universiti di Malaysia.

Secara ringkasnya, literatur semasa dari Malaysia dan Asia mengesahkan bahawa buli siber adalah bentuk buli utama dalam kalangan pelajar universiti, dengan prevalens yang ketara dan korelasi yang kuat dengan tekanan psikologi serta masalah kesihatan mental. Kerangka teori sedia ada (*social ecological, social learning, Theory of Planned Behavior*) kekal relevan dalam memahami dinamik ini dan boleh digunakan untuk membangunkan intervensi yang berkesan. Sokongan sosial dikenal pasti sebagai faktor moderasi yang kritikal dalam mengurangkan kesan negatif pemangsaaan buli.

Metodologi

Reka bentuk kajian ini adalah kajian tinjauan dengan menggunakan soal selidik yang dibina berkaitan dengan isu buli. Terdapat juga kajian ini dipilih kerana ia efisien untuk mengumpulkan data mengenai prevalens pelbagai pemboleh ubah pada satu titik masa (Midgett & Doumas, 2019). Ini membolehkan pengkaji mengukur dan menganalisa hubungan, perbezaan antara pelbagai pemboleh ubah (pengalaman dibuli, perlakuan buli, norma sosial yang dipersepsi berkaitan buli, sokongan sosial dan cara mengatasi, tingkah laku orang sekeliling (*bystander behaviour*) dan kesejahteraan serta keselamatan).

Populasi Kajian

Populasi sasaran kajian ini terdiri daripada semua pelajar prasiswazah dan pascasiswazah, yang sedang dalam pengajian di merangkumi pelajar prasiswazah yang sedang pengajian di universiti.

Kaedah persampelan dan Saiz Sampel

Pensampelan secara rawak akan digunakan oleh para pengkaji. Ini meningkatkan keupayaan generalisasi penemuan kajian. Pengedaran pautan soal selidik Google Form melalui rangkaian peribadi dan kumpulan WhatsApp adalah ciri utama kaedah ini. Walaupun kaedah ini lebih mudah dan kos efektif, ia memperkenalkan bias pemilihan kerana tidak semua ahli populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih. Walau bagaimanapun, saiz sampel kajian ini hanyalah seramai 30 responden sahaja. Saiz sampel yang kecil menjadikan kajian sukar digeneralisasi kepada populasi sebenar, selaras dengan pandangan Creswell dan Creswell (2018) yang menekankan bahawa sampel kecil mempunyai kebolehumuman yang rendah. Instrumen Kajian

Data dikumpulkan menggunakan soal selidik yang dibina oleh pengkaji dan telah dibahagikan kepada beberapa bahagian atau seksyen yang mewakili pemboleh ubah yang ingin dikaji berkaitan buli iaitu *victimization, perpetration, bystander behaviour, perceived norms, social support & coping dan wellbeing & safety*. Nilai Cronbach's Alpha telah dianalisis menggunakan SPSS bagi soal selidik kajian yang dibina. Nilai kebolehpercayaan bagi instrumen soal selidik ini adalah .662

berdasarkan analisis Cronbach's Alpha. Menurut Hair J. F. (2014), nilai antara .60 hingga .70 boleh diterima dalam kajian eksploratori, namun ia menunjukkan tahap kebolehppercayaan yang sederhana. Oleh itu, dapatan kajian ini perlu ditafsir dengan berhati-hati, khususnya dalam konteks generalisasi kepada populasi yang lebih luas.

Prosedur Pengumpulan Data dan Etika

Kutipan data dilaksanakan melalui instrumen soal selidik yang disebarkan kepada pelajar universiti dengan cara pengumpulan data secara atas talian menggunakan *Google Form*. Prosedur persetujuan termaklum dan jaminan kerahsiaan data akan dipatuhi sepenuhnya.

Kaedah Analisis Data

Data yang dikumpul akan disemak, dikodkan, dan dianalisis menggunakan Perisian Statistik untuk Sains Sosial (*Statistical*

Package for the Social Sciences - SPSS) Versi 30.0. Analisis melibatkan statistik deskriptif iaitu peratusan.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Hasil kajian menunjukkan bahawa bentuk buli yang paling lazim dialami oleh responden ialah ejekan atau panggilan nama yang menyakitkan ($\text{min} = 2.00$, $\text{SD} = 1.313$). Sebaliknya, pengalaman menerima mesej ancaman atas talian adalah paling jarang berlaku ($\text{min} = 1.37$, $\text{SD} = 0.669$). Sisi lain piawai yang tinggi bagi item seperti buli fizikal dan pemerasan menunjukkan bahawa pengalaman ini tidak seragam dan mungkin dialami secara ekstrem oleh sebilangan kecil individu. Pengkaji turut memberikan soalan berbentuk subjektif dalam seksyen A yang memberikan ruang kepada responden bagi menyatakan secara spesifik tentang situasi buli yang pernah dialaminya dan tindakan yang dilakukan. Perincian dapat dilihat dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Pengalaman buli dalam kalangan pelajar universiti

PENGALAMAN DIBULI					
	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Saya telah diejek atau dipanggil dengan nama yang menyakitkan.	30	1	5	2.00	1.313
Saya telah diasingkan oleh rakan sekelas atau kumpulan akademik.	30	1	4	1.53	.860
Gambar atau mesej saya dikongsi tanpa kebenaran (atas talian).	30	1	4	1.57	.935
Saya menerima mesej menyerang atau mengancam di platform dalam talian.	30	1	3	1.37	.669
Saya menjadi sasaran buli fizikal (ditolak/ditumbuk) di kampus.	30	1	5	1.37	1.033
Saya dipaksa memberi wang atau barang atau diperas ugut.	30	1	5	1.47	1.008
Valid N (listwise)	30				

Berdasarkan jadual 2 dan jadual 3 bagi analisis tema terhadap jawapan subjektif menunjukkan bahawa bentuk buli yang paling lazim ialah buli verbal dan sosial, diikuti oleh buli fizikal dan pemerasan. Responden melaporkan pengalaman seperti ejekan, sindiran, paksaan membeli makanan, dan penghinaan awam. Respons terhadap buli pula berbeza, dengan majoriti memilih untuk berdiam diri atau menahan, manakala sebahagian menunjukkan tindakan aktif atau mendapatkan sokongan sosial. Pembentukan tema dapat dilihat dalam jadual 2 dan 3 seperti di bawah.

Berdasarkan jadual 2 dan jadual 3 bagi analisis tema terhadap jawapan subjektif menunjukkan bahawa bentuk buli yang

paling lazim ialah buli verbal dan sosial, diikuti oleh buli fizikal dan pemerasan. Responden melaporkan pengalaman seperti ejekan, sindiran, paksaan membeli makanan, dan penghinaan awam. Respons terhadap buli pula berbeza, dengan majoriti memilih untuk berdiam diri atau menahan, manakala sebahagian menunjukkan tindakan aktif atau mendapatkan sokongan sosial. Pembentukan tema dapat dilihat dalam jadual 2 dan 3 seperti di bawah.

Jadual 2

Analisis tematik bentuk buli dalam kalangan pelajar universiti.

Tema	Contoh Petikan	Kategori
Buli Verbal	"dipanggil dengan panggilan yang tidak sesuai", "diejek fizikal",	Emosi & Sosial

	“dikatakan gedik, attention seeker”	
Buli Fizikal	“digunting rambut oleh pembuli”, “disuruh-suruh buat itu ini”	Fizikal
Pemerasan atau Paksaan	“minta duit”, “dipaksa beri makanan oleh senior”	Paksaan & Manipulasi
Buli Sosial atau Penghinaan Awam	“dihina depan semua orang”, “diejek kerana suka seseorang yang popular”	Sosial
Buli di Tempat Kerja	“ <i>I was called a useless manager... abusive treatment</i> ”	Profesional
Sindiran atau Manipulasi Halus	“disindir”, “buli secara halus”	Psikologi

Jadual 3

Analisis tematik respon buli yang dialami oleh pelajar

Tema	Contoh Petikan	Kategori
Berdiam Diri atau Menahan	“Diam atau nangis”, “Saya cuma berdiam diri”, “tahan”	Pasif
Melawan atau Memberi Tindak Balas	“lawan semula”, “melawan balik dan memberitahu kepada guru”	Aktif
Mengelak atau Strategi Adaptif	“bagi pelbagai alasan untuk mengelak”, “ikut je tapi lepas tu elak”	Adaptif
Sokongan Sosial	“berbincang dengan ibu serta guru”, “hubungi keluarga”	Sokongan
Kesan Emosi atau Trauma	“ <i>treatment was harmful to my mental health</i> ”	Psikologi

Dapatan hasil analisis daripada statistik deskriptif menunjukkan bahawa ejekan dan panggilan nama adalah bentuk buli yang paling kerap berlaku. Dapatan ini juga selari dengan tema kualitatif daripada dua soalan subjektif berkaitan pengalaman dibuli yang menunjukkan bahawa ejekan, sindiran dan penghinaan awam sebagai pengalaman utama responden-responden. Dapatan ini disokong oleh kajian-kajian lepas (Pecjak *et al.*, 2024; Syarifuddin *et al.*, 2023) masing-masing melaporkan bahawa buli verbal adalah bentuk paling lazim dan *name-calling* adalah bentuk buli paling kerap, diikuti dengan *mocking* dan *insulting*. Buli verbal lebih kerap berlaku kerana kurangnya risiko hukuman, lebih dibiasakan (*normalised*) dan sering dianggap sebagai gurauan. Hal ini berkait rapat dengan norma sosial kumpulan, di mana ejekan menjadi cara mengekalkan hierarki sosial.

Pola bentuk buli menunjukkan bahawa bentuk agresi halus lebih dominan berbanding agresi fizikal dalam konteks kajian ini. Kajian menunjukkan buli verbal berlaku dua kali lebih kerap berbanding buli fizikal (Tapper & Boulton, 2005 dalam Syarifuddin *et al.*, 2023). Data ini mencerminkan keperluan intervensi psikososial yang menyeluruh serta sokongan sistemik dalam menangani isu buli dalam pelbagai konteks pendidikan dan pekerjaan. Dari perspektif psikologi sosial, fenomena ini boleh dijelaskan melalui *normative social influence*, iaitu kecenderungan pelajar untuk menyesuaikan diri dengan norma kumpulan walaupun tingkah laku tersebut bersifat negatif. Antara intervensi yang perlu dilaksanakan bagi mengatasi normal sosial dan kebiasaan yang tidak sihat berkaitan isu buli, misalnya kempen yang menekankan majoriti pelajar tidak menyokong buli verbal (ejekan) dan paparkan data sebenar serta latihan kesedaran tentang *microaggression* dan kesan psikologi buli verbal.

Di samping itu, terdapat kecenderungan kepada strategi daya tindak yang pasif bagi responden dalam konteks kajian ini melalui analisis tema bagi soalan berbentuk subjektif tentang tindakan yang dilakukan oleh responden apabila berhadapan dengan buli. Dapatan ini konsisten dengan kajian Pecjak dan rakan-rakan (2024) yang mendapati bahawa sebahagian besar pelajar memilih untuk tidak bertindak apabila melihat atau

mengalami buli. Dari sudut psikologi sosial, tingkah laku ini boleh dijelaskan melalui beberapa mekanisme *fear of social cost* di mana pelajar bimbang tindakan melapor akan menyebabkan mereka dipulaukan atau dibalas dendam, *conformity* iaitu pelajar menyesuaikan diri dengan norma kumpulan untuk mengelakkan konflik dan *learned helplessness* di mana mangsa yang sering dibuli mungkin merasakan bahawa tindakan mereka tidak akan mengubah keadaan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa buli verbal, khususnya ejekan dan panggilan nama, merupakan bentuk buli yang paling dominan dalam kalangan responden. Keselarasan antara dapatan statistik deskriptif dan tema kualitatif mengukuhkan bukti bahawa ejekan, sindiran dan penghinaan awam merupakan pengalaman utama mangsa buli. Fenomena ini selari dengan kajian-kajian lepas yang menegaskan bahawa buli verbal lebih lazim berbanding bentuk buli lain kerana ia sering dinormalisasikan, dianggap sebagai gurauan, serta melibatkan risiko hukuman yang lebih rendah. Dominasi agresi halus berbanding agresi fizikal mencerminkan peranan norma sosial kumpulan dan pengaruh sosial normatif dalam mengekalkan tingkah laku buli dalam konteks pendidikan dan pekerjaan.

Selain itu, kajian ini turut mendapati kecenderungan responden untuk menggunakan strategi daya tindak yang pasif apabila berhadapan dengan buli. Tingkah laku ini boleh difahami melalui faktor psikologi sosial seperti kebimbangan terhadap kos sosial, kecenderungan untuk mematuhi norma kumpulan, serta perasaan tidak berdaya yang dipelajari akibat pengalaman buli berulang. Implikasi daripada dapatan ini menekankan keperluan kepada intervensi psikososial yang komprehensif dan sokongan sistemik, termasuk usaha mengubah norma sosial yang tidak sihat, meningkatkan kesedaran tentang *microaggression*, serta memperkukuh mekanisme sokongan dan pelaporan yang selamat. Dengan pendekatan ini, isu buli dapat ditangani secara lebih berkesan dan berfokus kepada kesejahteraan psikologi serta keselamatan pelajar.

Rujukan

- Ajzen, I. (2020). *The theory of planned behavior: Foundations, developments, and future directions*. Humanities and Social Sciences Communications, 7(1), 1–19.
- Amran Abdul Halim, Mohd Yusof, H., & rakan-rakan. (2023). Kesan buli siber dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). *Jurnal Ulwan*, 7(1), 45–60. Universiti Melaka.
- Bandura, A. (2020). *Social cognitive theory of moral thought and action*. Journal of Moral Education, 49(3), 353–370.
- Balakrishnan, V. (2015). Cyberbullying among young adults in Malaysia: The roles of gender, age and Internet frequency. *Computers in Human Behavior*, 46, 149–157.
- Bryman, A., & Cramer, D. (2008). Cramer: Quantitative data analysis with SPSS for Windows Bronfenbrenner, U., & Morris, P. A. (2020). The bioecological model of human development: Applications in contemporary research. *developmental psychology Review*, 2(1), 1–18.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2017). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Sage publications.
- Espelage, D. L., & Holt, M. K. (2013). Suicidal ideation and school bullying experiences after controlling for depression and delinquency. *Journal of Adolescent Health*, 53(1), S27–S31.
- Fowler, R. D., & Perry, J. L. (2023). Social support, coping strategies, and psychological wellbeing among university students. *Journal of Counseling Psychology*, 70(2), 301–315.
- Hair, J. F. (2014). *A primer on partial least squares structural equation modeling (PLS-SEM)*. Sage.
- İme, Y. (2025). The link between bullying victimization and mental well-being: Self-compassion and emotional flexibility as mediators among adolescents. *Current Psychology*, 44(5), 3033–3043.
- Kirin, A., & Kumiawan, C. S. (2023). Kejadian buli siber dalam kalangan pelajar UTHM dan implikasi terhadap kemurungan [The incident of cyber bullying among UTHM students and implications on depression. *Jurnal Perspektif* 15,2), 53–64.
- Latané, B., & Darley, J. M. (2021). Bystander intervention in emergencies: Diffusion of responsibility revisited. *Social Psychology Quarterly*, 84(4), 321–336.
- Midgett, A., & Doumas, D. M. (2019). Multidimensional peer relationships: Bullying, victimization, and bystander behavior among college students. *Journal of College Counseling*, 22(1), 63–74. doi.org
- Moo, C., Hong, C. C., Rajandran, H., Manoharan, M., & Rai, S. B. (2023). Prevalence of cyberbullying among students of a private university in Malaysia: A cross-sectional study. *Malaysian Journal of Public Health Medicine*, 23(3), 104–111.
- Nik Md Salleh, N. S., Khairil Annuar, N., Mohd Razli, A., Shaharuddin, S., Ab Malik, M. H., Ibrahim, M. A., Tun Ismail, W. N. A., Tanjung, H., & Jusoh, M. S. (2024). Exploring students' perceptions of bullying: A case study in a Malaysian higher education institution. *Jurnal Intelek*, 19(1), 131–144.
- Olweus, D. (2021). School bullying: Development, consequences, and intervention strategies. *Annual Review of Developmental Psychology*, 3, 159–185.
- Pecjak, S., Pirc, T., Markovic, R., Špes, T., & Košir, K. (2024). Psychosocial and Moral Factors of Bystanders in Peer Bullying. *International electronic journal of elementary education*, 16(5), 617–629.
- Pozzoli, T., & Gini, G. (2010). Active defending and passive bystander behavior in bullying: The role of personal characteristics and perceived peer pressure. *Journal of abnormal child psychology*, 38(6), 815–827.
- Ruangnapakul, N., Salam, Y. D., & Shawkat, A. R. (2019). A systematic analysis of cyber bullying in Southeast Asia countries. *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering*, 8(8S), 88–92.
- Samsudin, Abdalqader, & Ghazi (2023): Prevalence of cyberbullying victimisation and its association with family dysfunction. *BMJ Open*, 13(11), e072801.
- Smith, P. K., López-Castro, L., Robinson, S., & Görzig, A. (2019). Consistency of gender differences in bullying in cross-cultural surveys. *Aggression and violent behavior*, 45, 33–40.
- Syarifuddin, S., Hendrawansyah, H., & Putra, R. A. (2023). An Analysis Of Verbal Bullying On Students' Interaction And It's Impacts On The Students' Learning Interest At Smp Negeri 1 Palibelo. *Jurnal Ilmiah Mandala Education*, 9(4), 3036–3046.
- Tokunaga, R. S. (2020). A meta-analysis of the relationship between cyberbullying victimization and psychological outcomes. *Cyberpsychology, Behavior, and Social Networking*, 23(8), 548–560.
- Zhao, N., Yang, S., Zhang, Q., Wang, J., Xie, W., Tan, Y., & Zhou, T. (2024). School bullying results in poor psychological conditions: evidence from a survey of 95,545 subjects. *Frontiers in psychology*, 15, 1279872.